



**TITAH DIRAJA**

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA  
SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

**SEMPENA**

**ISTIADAT PERBARISAN PENTAULIAHAN DIRAJA  
DAN PENGURNIAAN WATIKAH TAULIAH PEGAWAI KADET  
ANGKATAN TENTERA MALAYSIA TAHUN 2019**

**PADA**

**16 MAC 2019 [SABTU]  
BERSAMAAN 9 REJAB 1440 HIJRAH**

**BERTEMPAT DI  
KEM PERDANA SG. BESI,  
KUALA LUMPUR**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ  
السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الحمد لله رب العالمين والصلاة والسلام  
على اشرف الانبياء والمرسلين  
وعلى اله وصحبه اجمعين  
رب اشرح لي صدري ويسر لي امري  
والحلل عقدة من لساني يفقهوا قولي

ALHAMDULILLAH. BETA MERAFAKKAN SETINGGI-TINGGI KESYUKURAN KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WATA'ALA KERANA ATAS LIMPAH DAN KURNIA-NYA DAPAT BETA BERANGKAT KE ISTIADAT PERBARISAN PENTAULIAHAN DIRAJA DAN PENGURNIAAN WATIKAH TAULIAH PEGAWAI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA PADA PAGI YANG PENUH BERMAKNA INI.

TERLEBIH DAHULU; BETA INGIN MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN, DI ATAS PERSEMBAHAN MUTU PERBARISAN YANG DIKAGUMI. DERAP LANGKAH SEIRINGAN SERTA PENUH BERSEMANGAT YANG TELAH DIPAMER; ADALAH MERUPAKAN PETANDA BAHAWA SAUDARA DAN SAUDARI TELAH DI LATIH DAN DI TERAP DENGAN NILAI-NILAI PROFESIONALISME DAN ETOS KETENTERAAN YANG UNGGUL.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN.

PADA HARI INI, SAUDARA DAN SAUDARI TELAH MENCIPTA SEJARAH PERIBADI YANG BARU APABILA DITAULIAHKAN SEBAGAI PEGAWAI DI DALAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA. PROFESION INI MEMERLUKAN PENGORBANAN, KOMITMEN DAN DISIPLIN YANG TINGGI. INI KERANA; DI BAHU SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN TERLETAK AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB YANG WAJIB DIJUNJUNG.

SESUNGGUHNYA, ANGKATAN TENTERA MALAYSIA MENGGALAS AMANAH DAN TANGGUNGJAWAB SEBAGAI BENTENG UTAMA PERTAHANAN NEGARA. AMANAH YANG BESAR INI MEMERLUKAN KOMITMEN DAN PENGORBANAN DARI SEMUA PIHAK.

BAGI MENGGALAS AMANAH TERSEBUT; ANGKATAN TENTERA MALAYSIA TIDAK BOLEH TERUS KEKAL STATIK DAN BERTERUSAN MENGAMALKAN PEMBUDAYAAN MINDA YANG MASIH DI TAHAP LAMA. DUNIA KINI BERHADAPAN DENGAN PELBAGAI ANCAMAN; SAMA ADA ANCAMAN TRADISIONAL, ANCAMAN HIBRID; MAHUPUN ANCAMAN DI ALAM MAYA.

PADA HEMAT BETA; ANGKATAN TENTERA MALAYSIA HENDAKLAH SENTIASA MELAKUKAN PEMBAHARUAN MELALUI PELAN TRANSFORMASI YANG TERANCANG. INI BAGI MEMBOLEHKAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA AGAR DAPAT BERGERAK SEIRINGAN DENGAN PELBAGAI ANCAMAN SERTA CABARAN DUNIA YANG MENDATANG.

TRANSFORMASI YANG DIMAKSUDKAN MESTILAH BERPANDUKAN KEPADA DASAR NEGARA YANG DITENTUKAN MELALUI PERSEPSI TERHADAP CABARAN DOMESTIK, GEO-POLITIK SERANTAU DAN ANTARABANGSA; SERTA FAKTOR SISTEMIK.

MELALUI CARA INI, BARULAH PEMODENAN DAN TRANSFORMASI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA AKAN LEBIH BERHEMAH DARI ASPEK PEROLEHAN; MALAHAN IANYA AKAN LEBIH RELEVAN DENGAN REALITI SEMASA DAN CABARAN MASA HADAPAN.

SELAIN DARIPADA ITU; PEMBENTUKAN MODAL INSAN JUGA WAJAR DIBERIKAN PERHATIAN BAGI MENENTUKAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA UNTUK TERUS KEKAL LESTARI. SELAIN DARIPADA MEMILIKI KELULUSAN PROFESIONAL DAN AKADEMIK; SETIAP SEORANG WARGA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA HENDAKLAH MENJIWAI NILAI-NILAI KEPERWIRAAN DAN KEPAHLAWANAN YANG UNGGUL.

BUDAYA, TRADISI, DISIPLIN, SIKAP PROFESIONALISME DAN SEMANGAT BERPASUKAN; ADALAH MERUPAKAN ETOS KETENTERAAN YANG MENEMPATKAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA LEBIH UNIK KEDUDUKANNYA DARIPADA LAIN-LAIN PERKHIDMATAN DAN AGENSI AWAM.

SEBAGAI PEMERINTAH TERTINGGI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA; BETA MAHUKAN AGAR SELURUH WARGA UNTUK SENTIASA MEMPAMERKAN SIKAP PROFESIONALISME DAN DISIPLIN TENTERA YANG TINGGI.

SEBAGAI SEBUAH ORGANISASI YANG BERKECUALI; PROFESIONALISME ANGKATAN TENTERA MALAYSIA DITERJEMAHKAN MELALUI PRINSIP TAAT SETIA KEPADA RAJA DAN NEGARA. INI LAH YANG MENJADI ASAS UTAMA KEPADA SEBUAH ANGKATAN TENTERA YANG DISANJUNG TINGGI DAN DIHORMATI SEKALIAN RAKYAT JELATA.

JANGAN SEKALI-KALI MERUNTUHKAN BENTENG DISIPLIN DAN PROFESIONALISME YANG TELAH DIBINA OLEH RIBUAN PEJUANG NEGARA SEBELUM INI. APABILA RUNTUH BENTENG INI; NESCAYA AKAN ROSAK BINASALAH ETOS KETENTERAAN. AKHIRNYA; NEGARA DAN RAKYAT JELATA YANG AKAN MENERIMA PADAHNYA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN.

BETA INGIN MERAKAMKAN TAHNIAH KEPADA SERAMAI 504 PEGAWAI ANGKATAN TENTERA MALAYSIA YANG BAKAL DITAULIAHKAN OLEH BETA PADA HARI INI. BETA TURUT BERBANGGA DAN MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA 6 PEGAWAI DARI ASKAR TIMBALAN SETIA NEGERI JOHOR DAN 2 PEGAWAI DARI NEGARA BRUNEI DARUS-SALAM YANG TURUT MENAMATKAN LATIHAN MEREKA PADA HARI INI.

SESUNGGUHNYA, KEJAYAAN INI TIDAK AKAN DICAPAI TANPA USAHA GIGIH DAN KOMITMEN YANG TINGGI. SUDAH PASTI, KEJAYAAN INI JUGA ADALAH BERKAT DOA DAN SOKONGAN DARIPADA IBU BAPA DAN KAUM KELUARGA.

SEHUBUNGAN ITU, BETA TURUT INGIN MERAKAMKAN TERIMA KASIH KEPADA IBU BAPA SERTA KAUM KELUARGA YANG TELAH MEMBERIKAN DORONGAN KEPADA ANAK-ANAK MUDA INI UNTUK BERBAKTI KEPADA RAJA DAN NEGARA.

MENGAKHIRI TITAH, BETA INGIN MERAKAMKAN PENGHARGAAN DI ATAS PENGORBANAN DAN KESETIAAN YANG TELAH DICURAHKAN OLEH ANGKATAN TENTERA MALAYSIA.

BETA TURUT INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI BAGI MENZAHIRKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI TERIMA KASIH KEPADA VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA YANG TELAH BERKORBAN JIWA DAN RAGA DEMI MENJAMIN KESEJAHTERAAN RAKYAT JELATA DAN KEAMANAN NEGARA TERCINTA.

SEMOGA JASA DAN PENGORBANAN VETERAN ANGKATAN TENTERA MALAYSIA AKAN SENTIASA DIKENANG OLEH KERAJAAN BETA SERTA RAKYAT JELATA. SAMA-SAMA LAH KITA PANJATKAN DOA SEMOGA ALLAH SUBHANAHU WATAALA MELIMPahkan GANJARAN KE ATAS JASA MEREKA YANG TIADA BANDINGANNYA.

MAKA, DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM, BETA DENGAN INI MENTAULIAHKAN SAUDARA SAUDARI SEKALIAN SEBAGAI PEGAWAI DI DALAM ANGKATAN TENTERA MALAYSIA.

SEKIAN.

وبالله التوفيق والهداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته